



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24/2/2012



Debat Soi Lek-Guan Eng dan maruah Nik Aziz

HAMPIR semua pihak melihat bahawa debat antara Presiden MCA, Datuk Sen Dr. Chua Soi Lek dengan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng tidak membawa sebarang kebaikan kepada negara, sebaliknya lebih membawa implikasi negatif.

Dr. Ismail Ibrahim (*profismail.blogspot.com*) misalnya melihat debat kedua-dua pemimpin kaum Cina daripada parti politik berbeza itu lebih membawa semangat perkauman yang lebih menebal kerana fokusnya adalah terhadap kaum tersebut.

Katanya, kedua-dua pemimpin tersebut tertumpu kepada isu untung rugi kaum Cina dalam percaturan politik hari ini, terutama digambarkan oleh pembangkang bahawa UMNO mendominasi Barisan Nasional (BN) dan menjadi penentu nasib kaum-kaum lain dalam komponen tersebut.

"Hal ini amat merugikan UMNO dan jika UMNO dipandang sebagai "master" kepada BN, maka keseluruhan BN akan ditentang. Sebaliknya jika diberikan persepsi bahawa DAP itu yang memperjuangkan hak kaum Cina, maka parti-parti komponen lain dalam pakatan pembangkang akan menumpang tuah untuk dipilih dalam pilihan raya," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap jika ada cadangan untuk mengadakan perdebatan sedemikian, semua parti politik dalam pakatan masing-masing perlu memikirkan kesan baik buruknya memandangkan Malaysia sebuah negara unik yang mempunyai pelbagai agama, bang-



sa dan bahasa, tidak seperti di Barat.

Bagi Yaziz Yunus (*unclearengineer.blogspot.com*) pula, beliau melihat debat antara Soi Lek dan Guan Eng hanya medan untuk memburuk-burukkan UMNO di mata masyarakat Cina.

Katanya, harapan rakyat untuk mendingar visi serta rancangan bagi memajukan lagi negara bertukar kepada sesi memburuk-buruk dan menghentam UMNO agar kebendan mendalam terhasil daripada perdebatan itu.

"MCA tak berani menegur UMNO kata Lim Guan Eng. DAP cakap sahaja berdegat kata parti berbilang kaum tetapi takut meletak calon di kawasan Melayu berdepan UMNO di balas oleh Dr. Chua.

"Kedua-dua mereka umpama menjadikan UMNO sebagai "hantu tetek" bagi menakutkan orang Cina supaya takut keluar malam. Kata kedua-duanya bahawa Cina di Malaysia berada di persimpangan," katanya.

Katanya, beliau menyokong penuh keikhlasan pemimpin negara untuk menjadikan Malaysia sebagai tempat yang adil untuk semua, bermakna menghormati hak tetamu

yang datang dan mengekalkan hak asal tuan rumah yang telah banyak berbudi.

Blog **Bumiyang** (*bumiyang.blogspot.com*) pula mempersoalkan debat tersebut yang berlangsung menggunakan bahasa Mandarin.

"Bukankah jika mereka ini berjiwa besar, ia patut dilangsungkan dalam bahasa Melayu sebagai menghormati bahasa kebangsaan di samping agar semua rakyat di Malaysia dapat mengikutinya dengan lebih baik.

"Perlu diingat memandangkan kaum Cina mewakili kaum kedua terbesar di Malaysia, penulis percaya kaum-kaum lain pastinya berminat untuk mengikuti perkembangan "politik" mereka kerana ia pasti memberi kesan kepada situasi politik di Malaysia," katanya.

Bagaimanapun apabila debat itu dijalankan dalam bahasa Mandarin, ia menunjukkan bahawa para pemimpin Tionghua baik di pihak kerajaan mahupun pembangkang tidak peka kepada sensitiviti masyarakat Malaysia yang majoritinya berbangsa Melayu.

Dalam pada itu, pertemuan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bagi memberikan penjelasan berhubung kenyataan beliau terhadap Israel turut menjadi perhatian.

Blog **Selangor Daily** (*www.selangordaily.com*) menilai Mursyidul Am Pas itu hilang maruah kerana bukan sahaja gagal mendedak Anwar menarik balik kenyataan tersebut dan memohon maaf kepada seluruh umat Islam jika ia benar, sebaliknya ketegasan be-

liu menjadi luntur.

Katanya, Nik Aziz yang begitu tegas dengan isu tersebut tiba-tiba menjadi kendur selepas beliau mengadakan pertemuan dengan Anwar, malah Menteri Besar Kelantan itu mula memberikan jawapan politik bagi menyelamatkan Pas.

"Bagaimana seorang Mursyidul Am yang percaya bahawa Israel itu wajib diperangi, namun bertindak menyokong Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat yang secara jelas menyokong usaha zionis Israel," katanya.

Katanya, bagaimana pakatan pembangkang boleh menyatakan kesepakatan menentang zionis Israel sedangkan pada masa yang sama pemimpin tertinggi mereka memberikan sokongan kepada negara Yahudi itu.

Blog **Pisau** (*www.pisau.net*) lebih lantang melabelkan Pas sebagai parti dua alam berhubung isu Israel apabila menentang kezaliman Yahudi di Palestin tetapi pada masa yang sama bersekongkol dengan pemimpin yang menyatakan sokongannya terhadap Israel.

"Munafik! Pas bersama tangisan rakyat Palestin tapi dalam masa yang sama berada dalam pelukan Anwar (yang menyokong) Israel, sebantol berpelukan dalam selingkuh haram mereka.

"Apa ini kategori pelacuran jenis baru? Sokong Palestin tapi sayang penjilat Israel. Mereka ini nak mana satu? Nak Palestin atau nak Anwar? Sokong Anwar bermakna sokong Israel," katanya.